

[BERITA](#) [SUKAN](#) [DUNIA](#) [HIBURAN](#) [BISNES](#) [RENCANA](#) [WANITA](#) [HUJUNG MINGGU](#) [BH KAPSUL](#) [COVID-19 VAKSIN](#)

PRN MELAKA

Kerjasama awam-swasta semarak usaha pendigitalan negara

Oleh Mohd Zaky Zainuddin dan Hazwan Faisal Mohamad - November 18, 2021 @ 2:49pm
bhnews@bh.com.my



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berucap pada majlis perasmian Minggu Saham Digital (MSD) 2021 secara maya hari ini.

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri menyeru agar sektor awam dan swasta bekerjasama dan saling melengkapi antara satu sama lain dalam menyemarakkan usaha pendigitalisasi perkhidmatan dan penyampaian kepada rakyat.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, dengan kolaborasi seperti itu, Malaysia akan melangkah ke ekonomi digital dengan yakin dan cukup bersedia.

"Tahniah kepada Permodalan Nasional Bhd (PNB) kerana bukan sahaja turut menyemarakkan agenda digitalisasi negara, malah secara tidak langsung menambah baik kaedah penyampaian dan pendekatan kepada rakyat," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Minggu Saham Digital (MSD) 2021 secara maya hari ini.

Perdana Menteri berkata, pada saat negara berhempas pulas menguruskan impak pandemik COVID-19, PNB tetap meneruskan agenda literasi kewangannya, malah ditambah baik agar lebih ramai daripada Keluarga Malaysia dapat terbabit sama.

"Saya menyambut baik inisiatif PNB menganjurkan MSD sekali lagi bagi meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai pengurusan kewangan.

"Pada hemat saya, ini adalah platform terbaik bagi rakyat Malaysia untuk sama-sama mempelajari tip mengurus kewangan, menabung dan melabur dalam suasana santai dan selesa bersama keluarga," katanya.

Ismail Sabri berkata, menerusi MSD 2021, PNB terus relevan dan lestari dalam mendukung mandat meningkatkankekayaan masyarakat Bumiputera dan negara secara keseluruhan.

"Saya difahamkan acara tujuh hari sudah mula bersiaran secara penstriman langsung semalam. Harapan saya semoga usaha ini menjadi tarikan kepada pengunjung dalam talian, khususnya golongan belia dan remaja dalam suasana harmoni Keluarga Malaysia kita yang dicintai.

"Saya menyeru semua rakyat Malaysia agar sama-sama menjayakan hasrat murni PNB dan negara, untuk membangunkan masyarakat celik pelaburan dan celik digital dengan menyokong MSD 2021," katanya.